

Sindiket kaut untung RM21.6 juta

Empat pengarah ditahan disyaki seleweng subsidi minyak masak

Oleh IZWAN ROZLIN

PUTRAJAYA

Seramai empat individu yang merupakan pengarah syarikat direman lima hari bagi membantu siasatan sindiket kes penyeleweng minyak masak bersubsidi dalam Op RBD semalam.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya berkata, kesemua mereka direman bermula semalam sehingga 15 Jun ini berhubung kuota pembekalan minyak subsidi daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

“Kesemua individu berusia antara 30 hingga 41 tahun ditahan di sekitar Selangor dan Putrajaya,” katanya di sini semalam.

Menurutnya, isu berhubung penyeleweng minyak masak bersubsidi itu merupakan isu ketirisan yang mengakibatkan kerajaan kerugian ratusan juta ringgit.

“Berdasarkan perkiraan ka-



Salah seorang pengarah syarikat yang direman lima hari bagi membantu siasatan sindiket kes penyeleweng minyak masak bersubsidi dalam Op RBD semalam.



Dua individu direman lima hari bermula semalam bagi membantu siasatan berhubung pelaksanaan kontrak sistem jalur lebar sebuah agensi kerajaan bernilai jutaan ringgit.

sar SPRM, sindiket ini telah mengaut keuntungan atas bayaran subsidi sebanyak RM21.6 juta sejak beroperasi selama tiga tahun dan terdapat sembilan buah syarikat yang dikawal oleh sindiket berkenaan,” katanya dalam satu kenyataan di sini.

Beliau berkata, SPRM turut membekukan sebanyak 12 akaun milik individu dan syarikat berjumlah lebih RM25 juta.

“Berdasarkan semakan dengan KPDNHEP, sindiket ini telah diberikan kuota perbekalan minyak masak sebanyak 1,000 tan sebulan.

“Sepatutnya, syarikat berkenaan perlu memproses dan membungkus semula minyak masak yang diberikan kepada bungkusan satu kilogram dan dibekalkan untuk kegunaan peruncit dan orang ramai khususnya masyarakat luar bandar.

“Namun, minyak masak bersubsidi tersebut tidak dibungkus sebagaimana yang sepatutnya, sebaliknya ia dikumpul dan dieksport ke luar negara,” katanya.

Menurutnya, ketirisan yang berlaku itu menyebabkan bekalan minyak masak amat berku-

rangan di pasaran dan menjadi keluhan rakyat serta peniaga kecil.

“Selain mendapat keuntungan berlipat kali ganda dengan menjualnya ke luar negara, syarikat-syarikat itu turut menuntut bayaran subsidi daripada kerajaan bagi urusan pembungkusan dan pembekalan minyak masak yang kononnya dibuat oleh mereka.

“Kesannya dalam tempoh tiga tahun sahaja, sebanyak RM21.6 juta dituntut dan disewangkan,” katanya.

Ahmad Khusairi berkata,

kesemua suspek telah dihadapkan ke Mahkamah Majistret Putrajaya untuk permohonan reman di bawah Seksyen 117 Kanun Acara Jenayah.

“Siasatan dibuat mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Jika disabit kesalahan boleh dipenjarakan lebih daripada 20 tahun dan didenda lima kali ganda nilai suapan,” katanya.

Sementara itu dalam kes berasingan, Pengarah Siasatan SPRM, Datuk Norazlan Mohd Razali mengesahkan dua individu yang merupakan pengurus besar dan pengurus akaun sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) direman lima hari bermula semalam.

Menurutnya, mereka ditahan bagi membantu siasatan mengenai suapan lebih RM800,000 daripada syarikat pembekal berhubung pelaksanaan kontrak sistem jalur lebar sebuah agensi kerajaan yang bernilai jutaan ringgit.

“Kedua-duanya ditahan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya pada jam 4.30 petang semalam (kelmarin).

“Siasatan mendapati kesalahan tersebut disyaki dilakukan sejak tahun 2012 hingga 2016. Kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009,” katanya.